

FORMAT PERTANDINGAN MULTIMEDIA DAKWAH

KATEGORI : Terbuka

PENYERTAAN : Satu Kumpulan dari setiap MRSM (2 Orang peserta setiap kumpulan)

SYARAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan multimedia dakwah terbuka kepada **SEMUA** MRSM.
2. Setiap MRSM hanya dibenarkan menghantar **SATU** penyertaan yang terdiri dari dua orang peserta.
3. Peserta yang mewakili maktab masing-masing, hendaklah pelajar yang belajar di maktab tersebut.
4. Peserta dikehendaki menghasilkan video berdurasi, sekurang-kurangnya 2 minit sehingga 5 minit. (Maksimum 5 minit sahaja)
5. Video yang dihasilkan mestilah dalam bentuk "Animasi kartun Dakwah" (Contoh video pada pautan <https://www.youtube.com/watch?v=IFn3mkD0tJs> : Tajuk **MAP | Sentuhan Selamat vs Sentuhan Tidak Selamat**)
6. Video mestilah bertemakan Rukun Islam.
 - a. Syahadah
 - b. Solat
 - c. Puasa
 - d. Zakat
 - e. Haji
7. Peserta Boleh memilih salah satu dari sub topik rukun Islam tersebut.
8. Penggunaan tulisan Jawi atau Arab sangat digalakkan untuk diletakkan dalam video berkenaan.
9. Video yang dihasilkan mestilah hasilciptaan peserta sendiri.
10. Penyertaan dianggap terbatal sekiranya syarat-syarat diatas tidak dipatuhi termasuk kelewatan menghantar video kepada pihak urussetia.
11. Keputusan hakim adalah muktamad.

FORMAT PERTANDINGAN.

1. Pertandingan ini hanya menilai video yang dihantar oleh peserta.
2. Setiap video yang diterima akan disaring oleh panel yang berkelayakan bagi memilih 15 video yang terbaik.
3. 15 yang terpilih sahaja akan ditayang pada hari pertandingan dan dinilai oleh Juri.
4. Senarai nama pemenang akan diumumkan pada hari penutup Ihtifal Ulul Albab.

KANDUNGAN VIDEO

1. Setiap video yang dihasilkan mestilah sekurang-kurangnya perkara- perkara berikut :
 - a. Nama 2 orang peserta yang menghasilkan video
 - b. Nama MRSM peserta
 - c. Tajuk video dakwah
 - d. Kesimpulan
2. Isi kandungan video mestilah menepati syariat Islam dari sudut ketepatan maklumat yang disampaikan, tatasusila dan kesopanan yang menepati kehendak Islam.
3. Sebarang kandungan video yang bercanggah dengan Islam tidak akan dinilai oleh juri pertandingan.

ASPEK PERMARKAHAN

Bil	PERKARA	ASPEK PENILAIAN	MARKAH
1.	Pendahuluan video	Nama peserta	/5
		Nama MRSM	/5
		Tajuk video	/5
2.	Kandungan video	Ketepatan masa	/5
		Mesej dakwah yang jelas	/10
		Maklumat yang tepat	/10
		Menepati syariat	/10
		Tatasusila dan kesopanan	/10
		Grafik kreatif dan menarik	/20
		Lagu latar	/10
		Bersesuaian dengan tema	/5
		Kesimpulan	/5
Jumlah markah			/100

PERINGATAN

1. Keputusan hakim adalah **muktamad**.
2. Sebarang pertanyaan berkaitan **Pertandingan Multimedia Dakwah** boleh menghubungi Penyelaras Pertandingan iaitu **Ustaz Ridzuan Bin Abdullah** di talian **0136700456**
3. Tarikh tutup pendaftaran penyertaan (secara atas talian) : **16 Jun 2016 (Jumaat)**.
4. Rakaman video yang dihasilkan hendaklah dimuatnaik selewat-lewatnya pada **11 Julai 2017** ke alamat emel @ melalui *Google Drive* **ihfifal2017@gmail.com**
5. Sekiranya tidak dapat berbuat demikian, CD hendaklah diserahkan kepada pihak urusetia pendaftaran pada hari pendaftaran penginapan.
6. Semua hasil karya adalah menjadi hak milik **Bahagian Pendidikan Menengah Mara (BPM)**.
7. Peserta yang menyertai pertandingan yang melibatkan video sahaja **TIDAK DIBENARKAN HADIR**.